



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH SOSIALISASI TERHADAP PENGETAHUAN DAN PENGLIBATAN  
MAHASISWA MELAYU DALAM POLITIK MALAYSIA***

***MAZLI BIN MAMAT***

**FEM 2015 23**



**PENGARUH SOSIALISASI TERHADAP PENGETAHUAN DAN  
PENGLIBATAN MAHASISWA MELAYU DALAM POLITIK MALAYSIA**

**Oleh**

**MAZLI BIN MAMAT**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**September 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta Universiti Putra Malaysia.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH SOSIALISASI TERHADAP PENGETAHUAN DAN  
PENGLIBATAN MAHASISWA MELAYU DALAM POLITIK MALAYSIA**

Oleh

**MAZLI BIN MAMAT**

**September 2015**

**Pengerusi: Abdul Razak Abdul Rahman, PhD**  
**Fakulti: Ekologi Manusia**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh sosialisasi terhadap pengetahuan dan penglibatan mahasiswa Melayu di Universiti Awam dalam politik Malaysia. Sosialisasi politik pada umumnya merupakan proses pengasuhan, pengajaran dan pemindahan nilai-nilai serta perlakuan politik dari satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif dan pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Sampel kajian melibatkan seramai 441 orang mahasiswa Melayu dari empat buah Universiti Awam iaitu, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kaedah pensampelan pula menggunakan teknik pensampelan berstrata, manakala data dianalisis menggunakan ujian-t, ujian ANOVA sehalu, Regresi dan Korelasi. Kajian mendapati tahap pengetahuan mahasiswa Melayu mengenai politik berada pada tahap tinggi, begitu juga dengan kepentingan mengundi. Namun, penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik berada pada tahap yang rendah. Jantina dan tempat dibesarkan tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan dengan penglibatan politik, tetapi tempat tinggal semasa menunjukkan sebaliknya. Kajian mendapati agen sosialisasi media massa merupakan agen sosialisasi politik yang paling dominan mempengaruhi penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik Malaysia berbanding agen sosialisasi keluarga, rakan sebaya dan institusi pendidikan. Secara keseluruhannya didapati mahasiswa yang melalui proses sosialisasi politik yang tinggi cenderung terlibat secara aktif dalam politik berbanding dengan responden yang mengalami proses sosialisasi politik pada tahap yang rendah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
In fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF SOCIALIZATION TOWARD KNOWLEDGE AND  
INVOLVEMENT OF MALAY STUDENTS IN MALAYSIAN POLITICS**

By

**MAZLI BIN MAMAT**

**September 2015**

**Chairman: Abdul Razak Abdul Rahman, PhD**  
**Faculty: Human Ecology**

The purpose of this research is to determine the influence of socialization towards knowledge and participation of Malay students of Public Universities in Malaysian politics. Politic socialization in general is the process of nurturing, teaching and the transfer of traits as well as methods of handling politics from one generation to the next. This research uses the method of observation with the quantitative approach and data collection through questionnaire. Research samples include 441 Malay students of Public Universities, ranging from Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia and Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. The sampling methods used in this research are stratified sampling, meanwhile the method for data analysis are t-test, one-way Analysis of Variance (ANOVA) and regression and correlation. The research shows that the amount of knowledge of politics among the Malay students is high. The same result can be seen at the awareness on importance of voting. But the participation of Malay students in politics is at a low level. Gender and hometown did not show any difference in the significance of politic participation, but the current residency shows the other way around. The research finds out that the socialization agent; the mass media is the most dominant factor in affecting the participation of Malay students in politics compared to other socialization agents such as family, friends and education institution. In an overall, Malay students that undergo more politic socialization process are more prone to be politically active compared to respondent that undergo less politic socialization process.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaannya dapatlah saya menyiapkan tesis ijazah sarjana ini dalam tempoh yang telah diberikan. Dalam menghasilkan tesis ini, sudah tentu melibatkan banyak pihak sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, terutama sekali kepada mereka yang memberi sokongan dan dorongan kepada saya. Sepanjang tempoh pengajian ini, jutaan penghargaan terutama sekali kepada isteri tersayang Ruzaipah Mohd Nor, yang sentiasa memberi sokongan walaupun dalam kesibukan menguruskan anak-anak. Buat kedua ibu bapa tersayang, kejayaan ini merupakan hadiah cukup bermakna buat mereka.

Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penyelia, Dr. Abdul Razak Abdul Rahman dan Dr. Abdul Rashid Abdullah yang tidak pernah jemu memberi bimbingan, nasihat, bantuan, galakan serta tunjuk ajar sepanjang pengajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh, juga buat Sdr. Mohd Razali Harun dan Sdr. Mohd Rahimi Ramli yang banyak membantu memberi pendapat serta tunjuk ajar dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa kepada semua responden yang memberi kerjasama sangat baik dalam membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat kajian. Sesungguhnya insan kerdil ini amat terhutang budi pada kalian semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 9 September 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mazli bin Mamat bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengaruh Sosialisasi Terhadap Pengetahuan dan Penglibatan Mahasiswa Melayu Dalam Politik Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Husniyah Abdul Rahim @ Abdul Wahab, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Lee Yok Fee, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Azizuddin Mohd Sani, PhD**

Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

.....,  
**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Abdul Razak Abdul Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abdul Rashid Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

.....  
**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : ..... Tarikh: **16 Disember 2015**

Nama dan No. Matrik : **Mazli Bin Mamat (GS39140)**

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : .....

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Abdul Razak Abdul Rahman, PhD

Tandatangan : .....

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Abdul Rashid Abdullah, PhD



## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PENGAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN PERKATAAN</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kerangka Konseptual	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Definisi Istilah	8
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Organisasi Kajian	9
1.9 Rumusan	10
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Sistem Politik Malaysia	11
2.2.1 Politik Malaysia	13
2.2.2 Keputusan Pilihan Raya Umum	16
2.3 Mahasiswa dan Politik	21
2.3.1 Sejarah Gerakan Mahasiswa	21
2.3.2 Akta Universiti Kolej Universiti 1971	24
2.3.3 Pilihan Raya Kampus	29
2.3.4 Pengetahuan Politik	31
2.3.5 Penglibatan Mahasiswa dalam Politik	33
2.4 Konsep dan Teori	37
2.5 Agen-Agen Sosialisasi	39
2.5.1 Keluarga	39
2.5.2 Institusi Pendidikan	41
2.5.3 Rakan Sebaya	42
2.5.4 Media Massa	43
2.6 Rumusan	45
<b>III METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.3 Instrumen Kajian	47
3.4 Kajian Rintis	49
3.5 Ujian Normality Data	49
3.6 Sampel Kajian	50

3.7	Lokasi Kajian	51
3.8	Skala Pengukuran	54
3.9	Analisis Data	55
3.10	Rumusan	56
<b>IV</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	57
4.2	Latar Belakang Responden	57
4.2.1	Jantina dan Umur	57
4.2.2	Aliran dan Pembiayaan Pengajian	58
4.2.3	Negeri Asal	58
4.2.4	Tempat Paling Lama Menetap	59
4.3	Latar Belakang Ibu Bapa Responden	60
4.3.1	Pekerjaan	60
4.3.2	Tahap Pendidikan	60
4.3.3	Penglibatan dalam Politik	61
4.3.4	Pendapatan	62
4.4	Pengetahuan Politik Responden	62
4.5	Penglibatan Politik Responden	64
4.5.1	Minat Terhadap Politik	64
4.5.2	Kepentingan Mengundi	65
4.5.3	Keahlian Parti dan Mengundi	66
4.5.4	Kekerapan Menghadiri Aktiviti Politik	68
4.5.5	Tahap Penglibatan dalam Politik	71
4.6	Pengaruh Demografi dan Penglibatan	72
4.7	Agen Sosialisasi Politik	73
4.7.1	Keluarga	74
4.7.2	Institusi Pendidikan	75
4.7.3	Rakan Sebaya	77
4.7.4	Media Massa	80
4.7.5	Tahap Sosialisasi Politik	82
4.7.6	Perhubungan Sosialisasi dan Penglibatan	83
4.8	Isu Pilihan Responden	85
4.9	Gabungan Parti Pilihan Responden	87
4.10	Rumusan	88
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	90
5.2	Ringkasan Kajian	90
5.3	Implikasi dan Cadangan	93
5.3.1	<i>Culture of Fear</i>	93
5.3.2	Media Sosial	94
5.3.3	Rakan Sebaya	94
5.3.4	Pilihan Raya	95
5.4	Kesimpulan	95
5.5	Cadangan Kajian akan Datang	96
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	98
	<b>LAMPIRAN</b>	109
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	122

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Penentuan Kategori Bandar dan Luar Bandar	47
3.2	Ujian Reliability Instrumen Kajian	49
3.3	Penentuan Saiz Sampel	51
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	57
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	58
4.3	Taburan Responden Mengikut Aliran Pengajian	58
4.4	Responden Mengikut Pembiayaan Pengajian	58
4.5	Taburan Responden Mengikut Negeri Asal	59
4.6	Taburan Mengikut Tempat Paling Lama Menetap	59
4.7	Taburan Tempat Tinggal Semasa Responden	60
4.8	Taburan Pekerjaan Ibu Bapa Responden	60
4.9	Taburan Tahap Pendidikan Ibu Bapa Responden	61
4.10	Tahap Penglibatan Politik Ibu Bapa Responden	61
4.11	Taburan Pendapatan Keluarga Responden	62
4.12	Pengetahuan Politik Responden	63
4.13	Tahap Pengetahuan Politik Responden	63
4.14	Tahap Pengetahuan Mengikut Jantina	64
4.15	Minat Responden Terhadap Politik	64
4.16	Pecahan Minat Responden Terhadap Politik	65
4.17	Kepentingan Mengundi Bagi Responden	65
4.18	Pecahan Kepentingan Mengundi Responden	66
4.19	Mengundi, Menjadi Calon, Ahli Parti	67
4.20	Kekerapan Menghadiri Forum/Dialog Politik	68
4.21	Kekerapan Menghadiri Kursus Anjuran Parti	69
4.22	Kekerapan Menghadiri Mesyuarat Parti	69
4.23	Kekerapan Menghadiri Ceramah Politik	70
4.24	Kekerapan Menyertai Kempen Parti Politik	71
4.25	Tahap Penglibatan Responden Dalam Politik	71
4.26	Keputusan Ujian-t	72
4.27	Keputusan Ujian ANOVA Sehalu	72
4.28	Penglibatan Berdasarkan Tempat Tinggal	73
4.29	Tahap Persetujuan Agen Keluarga	74
4.30	Tahap Persetujuan Agen Institusi Pendidikan	76
4.31	Tahap Persetujuan Agen Rakan Sebaya	78
4.32	Tahap Persetujuan Agen Media Massa	80
4.33	Tahap Sosialisasi Politik	83
4.34	Korelasi Agen Sosialisasi Dengan Penglibatan	83
4.35	Keberkesanan Agen Sosialisasi Politik	84
4.36	Isu-Isu Semasa Pilihan Responden	86
4.37	Isu-Isu Lain Pilihan Responden	87
4.38	Gabungan Parti Politik Pilihan Responden	87

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	7



## SENARAI SINGKATAN

AUKU	Akta Universiti Kolej Universiti
BHEP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
GERAKAN	Gerakan Rakyat Malaysia
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
NGO	Non-Government Organization
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
UMNO	United Malays National Organization



# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Penglibatan mahasiswa dalam politik sering menjadi perhatian masyarakat umum. Perhatian ini diberikan sama ada berbentuk positif ataupun negatif. Dari sudut positif masyarakat menganggap penglibatan mahasiswa dalam politik memberi kebaikan kepada mahasiswa itu sendiri seperti memperoleh pengalaman dan pendedahan secara langsung tentang politik. Manakala dari sudut negatifnya pula, mahasiswa seharusnya tidak dilibatkan dalam politik kepartian kerana mengganggu tumpuan terhadap pengajian serta menyebabkan mahasiswa menjadi berpuak-puak mengikut ideologi politik masing-masing. Mahasiswa didefinisikan sebagai golongan yang mempunyai daya pemikiran matang, berdaya saing dan lebih berpengetahuan dalam bidang profesional berbanding dengan rakan-rakan sebaya mereka di tempat lain (Mohd Nasir, 2008). Muhammad Ali (2009), mendefinisikan mahasiswa sebagai segolongan pelajar yang sedang mengikuti proses pendidikan secara tersusun dan terancang di pusat pengajian tinggi. Manakala Junaidi Awang Besar et al. (2013) menyatakan mahasiswa merupakan sebahagian kumpulan anak muda yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun yang berada di peringkat tertinggi dalam sistem pendidikan. Mahasiswa ini merupakan sebahagian kelompok belia yang merupakan aset penting dalam konteks pembangunan dan juga merupakan penduduk majoriti di Malaysia (Haslinda et al., 2012). Apa pun definisi dan tanggapan yang diberikan, mahasiswa merupakan golongan yang penting dalam memberi sumbangan terhadap kelangsungan negara.

Penglibatan mahasiswa dalam politik ini mempunyai matlamat tertentu dan berubah-ubah mengikut peredaran semasa. Jika sebelum merdeka, perjuangan mahasiswa di Malaysia memberi fokus kepada usaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah British. Selepas merdeka, perjuangan mahasiswa lebih kepada untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat seperti isu kemiskinan serta merapatkan jurang sosial antara masyarakat. Menurut Ahmad Fawzi, (1996) pada peringkat awal gerakan mahasiswa ianya berlangsung secara tidak tersusun dan muncul apabila timbulnya sesuatu isu, tetapi apabila berlaku penyesuaian maka wujudlah tindakan serta identiti yang jelas dan tersusun. Gerakan mahasiswa di Malaysia bermula seawal tahun 1930-an yang berpusat di *Sultan Idris Training College* Tanjung Malim (Muhammad Ali, 2009). Sekiranya istilah gerakan “Pelajar Islam” digunakan, gerakan mahasiswa telah bermula seawal tahun 1900-an lagi (Saifuddin, 2009b). Gerakan pelajar Islam ini dipelopori oleh pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah yang terpengaruh dengan idea pemikiran Syed Jamaluddin Al-Afghani dan Muhamad Abduh. Apabila tamat pengajian, pelajar-pelajar ini telah membawa balik ideologi tersebut ke Tanah Melayu dan disebarkan kepada masyarakat tempatan.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan daripada British, gerakan mahasiswa telah bertukar corak dengan bertindak sebagai kumpulan pendesak serta terlibat secara langsung dalam aktiviti politik kepartian. Dalam pilihan raya umum tahun 1969 misalnya, mahasiswa telah terlibat secara langsung dalam aktiviti kempen pilihan raya tersebut. Mahasiswa turut menghasilkan manifesto dan menganjurkan ceramah politik mereka sendiri. Ketika waktu berkempen, mahasiswa telah mendedahkan kepincangan



pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Perikatan<sup>1</sup> seperti gejala rasuah, kronisme dan dasar-dasar kerajaan yang tidak menguntungkan rakyat melalui program jelajah yang diadakan di seluruh negara (Junaidi, 1993). Akibatnya Perikatan hanya memenangi 66 kerusi parlimen pada pilihan raya umum 1969 berbanding 89 kerusi parlimen pada pilihan raya umum sebelumnya. Penglibatan mahasiswa secara aktif dalam politik ini juga turut memberi kesan negatif serta menggugat parti pemerintah sekitar tahun 1960-an dan awal 1970-an apabila demonstrasi terlalu kerap diadakan. Ketika krisis kewangan pada tahun 1997 dan pemecatan Anwar Ibrahim dari kerajaan pada tahun 1998, mahasiswa bersama dengan parti politik pembangkang dan *Non-Government Organization* (NGO) telah mengadakan demonstrasi secara besar-besaran di Kuala Lumpur sebagai protes terhadap tindakan kerajaan yang dianggap zalim. Protes yang diadakan ini bertujuan untuk menjatuhkan rejim pemerintah yang dianggap rasuah, nepotisme, kronisme dan menyekat kebebasan bersuara rakyat. Kesannya pengundi muda tidak lagi mengundi Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 1999 kerana mereka tidak mahu bertolak ansur dan bersekongkol dengan kerajaan yang mengamalkan rasuah, kronisme, nepotisme, campur tangan dalam sistem kehakiman serta bersikap pilih kasih dalam menguruskan negara (Md. Salleh, 2012).

Kebangkitan dan penglibatan mahasiswa dalam politik ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi turut berlaku di seluruh dunia. Misalnya mahasiswa menjadi penggerak utama kepada demonstrasi di Vietnam, Indonesia dan Ecuador sekitar tahun 1960-an bagi menukar rejim pemerintah di negara tersebut (Altbach, 1967). Senario berbeza berlaku di Korea Selatan, kerajaan telah menggunakan pengaruh mahasiswa untuk meyakinkan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan bagi tujuan mengukuhkan kuasa pemerintah ketika era pemerintahan Syngman Rhee sekitar tahun 1960-an (Douglas, 1963). Terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong mahasiswa mengambil bahagian dalam politik sepertimana yang dibincangkan oleh Backman dan Finlay (1973) dan Knopfmacher (1968) iaitu, isu kemiskinan, perbezaan kelas sosial dan peluang pekerjaan. Namun begitu perjuangan mahasiswa dalam membela nasib masyarakat tidak semua diterima dengan baik. Walaupun mahasiswa menjadi barisan hadapan dalam memperjuangkan kesaksamaan sosial dan demokrasi di Korea Selatan, pendekatan mahasiswa yang terlalu radikal telah mendatangkan kerisauan masyarakat terhadap kestabilan negara (Choi, 1991). Masyarakat mahukan perubahan sosial berlaku dengan aman dan bukannya bersifat radikal sehingga menimbulkan masalah baru.

Universiti merupakan sebuah institusi sosial yang penting dalam masyarakat. Aktiviti politik di kalangan mahasiswa merupakan sebahagian budaya masyarakat kampus yang mempunyai pola perlakuan, sistem dan tradisinya yang tersendiri. Falsafah perjuangan mahasiswa dibentuk oleh kedudukan sosial mahasiswa yang merupakan seorang individu dewasa yang sering terdedah dengan segala maklumat dari dalam negara mahupun dunia luar. Mahasiswa merupakan golongan elit yang sensitif terhadap perubahan semasa serta mudah didampingi masyarakat (Altbach, 1968). Manakala bagi Lipset (1967) mahasiswa menginginkan kebebasan mengikut cita rasa dan

---

<sup>1</sup> Perikatan ialah sebuah gabungan parti politik hasil pakatan antara parti UMNO dan MCA bagi memenangi pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Perikatan sejak itu melakari sejarah negara sebagai simbol penyatuan bagi kaum Melayu, Cina dan India yang tercapai hasil persefahaman dan tolak ansur dengan satu matlamat untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British. Perikatan didaftarkan secara rasmi pada 30 Oktober 1957 sebagai parti politik dengan menggunakan simbol Kapal Layar. Parti Perikatan kemudian ditukar nama kepada Barisan Nasional pada 1 Julai 1974 apabila penyertaan beberapa parti komponen yang lain.

pendekatannya yang tersendiri, sekiranya terdapat gangguan mereka akan bangkit menentang. Kebangkitan mahasiswa pada tahun 1960-an dan awal 1970-an di Malaysia merupakan contoh terbaik hubungan mahasiswa dengan masyarakat. Bagaimana mahasiswa memberi reaksi, bertindak balas apabila kebebasan mengikut cita rasa mereka disekat dan dihalang. Mengikut Byeong (1993), mahasiswa yang terlibat dalam bantahan ini, merupakan golongan yang merasakan pemerintah gagal menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik sehingga menimbulkan masalah kepada rakyat.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas memberi gambaran bahawa mahasiswa memberi sumbangan yang penting kepada perkembangan politik negara. Mahasiswa bukan sahaja berperanan menukar rejim tetapi juga bertindak sebagai mengukuhkan cengkaman rejim pemerintah. Namun dalam konteks Malaysia, penglibatan mahasiswa dalam politik masih belum sampai kepada tahap untuk mengambil alih pemerintahan negara, tetapi penglibatan mahasiswa lebih kepada agen pendesak dalam masyarakat, (Fauzi dan Ku Hasnita, 2015).

## **1.2      Penyataan Masalah**

Selepas peristiwa 13 Mei 1969, senario politik Malaysia telah berubah. Tragedi perkauman ini merupakan peristiwa tragis mengenai hubungan antara kaum di Malaysia. Kejadian ini berlaku disebabkan kegagalan Perikatan mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum 1969 (Md. Salleh, 2012). Kesan daripada keputusan pilihan raya umum 1969, membawa kepada penggubalan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU), (Muhammad Abu Bakar, 1973). AUKU telah dikuatkuasakan pada 30 April 1971 bertujuan menjadi garis panduan undang-undang kepada universiti dan kolej universiti. Pindaan AUKU tahun 1975 memburukkan lagi keadaan apabila mahasiswa tidak lagi dibenarkan menjadi ahli dan bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau apa-apa jua pertubuhan kecuali dengan mendapat kebenaran secara bertulis daripada Naib Canselor. Namun, situasi ini tidak bermakna mahasiswa langsung tidak mengambil peduli tentang politik Malaysia kerana kajian oleh Mohd Nasir (2008) mendapati mahasiswa masih mengikuti perkembangan semasa mengenai politik dan turut menyatakan pilihan raya penting bagi mereka. Pada tahun 2012, AUKU telah dipinda di mana mahasiswa yang berumur 21 tahun dan ke atas telah dibenarkan kembali untuk terlibat secara aktif dalam politik.

Mahasiswa merupakan aset penting negara, sekiranya mahasiswa membuat keputusan salah tanpa berdasarkan fakta yang tepat dan mengikut emosi ianya akan memberi kesan negatif kepada negara (Mohd Nasir, 2008). Peringkat umur mahasiswa ini merupakan peringkat umur yang kritikal kerana berlaku perubahan dari segi membuat keputusan. Jika sebelum ini, keputusan yang dibuat berdasarkan keputusan orang lebih dewasa, tetapi pada peringkat ini berlaku perubahan di mana mahasiswa mahukan kebebasan membuat keputusan mengikut cita rasa mereka sendiri (Mohd Fuad dan Junaidi, 2012). Senario semasa menunjukkan mahasiswa aktif terlibat dalam aktiviti politik. Pada 31 Disember 2013, Muhammad Azan Safar telah mengetuai Gerakan Turun Kos Sara Hidup mengadakan perhimpunan membantah kenaikan kos sara hidup di Kuala Lumpur (The Malaysia Insider 1 Januari 2014). Pada 5 September 2014, Muhammad Safwan Anang yang merupakan aktivis mahasiswa didapati bersalah kerana menyampaikan ucapan berbaur hasutan pada 13 Mei 2013 dalam majlis anjuran

parti politik di Dewan Perhimpunan Cina Selangor Kuala Lumpur (Malaysiakini 5 September 2014). Begitu juga pada 19 September 2014, apabila Adam Adli Abdul Halim yang juga aktivis mahasiswa turut didapati bersalah mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 kerana menyampaikan ucapan berbaur hasutan (The Malaysian Insider 19 September 2014). Pada 10 Disember 2014, Fahmi Zainol, pemimpin mahasiswa Universiti Malaya bersama lima mahasiswa lain telah dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak universiti kerana menganjurkan pidato “Anwar Ibrahim: 40 tahun dari UM ke penjara” pada 27 Oktober 2014 tanpa kebenaran. Paparan di atas merupakan sebahagian contoh penglibatan mahasiswa dalam politik dan ini jelas memberi gambaran bahawa mahasiswa masih aktif terlibat dalam aktiviti politik.

Pada masa ini, kajian mengenai penglibatan mahasiswa dalam politik Malaysia agak terhad bilangannya berbanding dengan kajian politik dalam kategori yang lain. Kebanyakan kajian mengenai politik mahasiswa yang ada mengangkat AUKU sebagai tema utama. Salah satu kajian terkini mengenai politik mahasiswa adalah kajian oleh Fauzi dan Ku Hasnita (2015). Kajian ini memberi fokus kepada kebangkitan semula gerakan mahasiswa di Malaysia dalam pilihan raya umum 2013. Setelah AUKU dikuatkuasakan, gerakan mahasiswa menjadi semakin merosot dan lemah. Namun apabila AUKU dipinda pada tahun 2012, gerakan mahasiswa mendapat nafas baru dan membuka jalan kepada mahasiswa untuk terlibat secara aktif dalam pilihan raya umum 2013. Berbeza dengan kajian Sivamurugan (2014) yang memberi penekanan kepada kelakuan mengundi kalangan mahasiswa dalam pilihan raya berdasarkan persepsi dan kepimpinan parti politik. Kajian ini membuktikan bahawa media arus perdana telah menjadi kurang penting kepada mahasiswa berbanding dengan media alternatif. Mohd Fuad et al. (2012) dalam kajiannya pula memberi penumpuan kepada mahasiswa India menjelang pilihan raya umum 2013 seperti sumber maklumat politik, pandangan tentang politik Malaysia, ciri-ciri parti politik yang disokong dan persepsi terhadap parti politik. Manakala Kajian Thock (2012) pula mengenai gerakan aktivis mahasiswa Cina. Gerakan mahasiswa Cina yang menumpukan perhatian kepada usaha untuk menegakkan keadilan dan membawa perubahan telah terbantut akibat penguatkuasaan AUKU. Kajian Ridhuan Tee (2008) pula mengenai persepsi mahasiswa Cina terhadap politik *United Malays National Organization* (UMNO). Apa yang menarik kajian ini melibatkan responden dari Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta. Kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu, Kuantitatif dan Kualitatif yang dapat memberi nilai tambah kepada hasil penemuan kajian. Namun begitu kajian ini hanya melibatkan mahasiswa Cina sahaja dan tidak melibatkan mahasiswa dari etnik lain. Berlainan dengan kajian oleh Muhamad Ali dan Ahmad Faiz (2005) yang mengupas mengenai kepercayaan mahasiswa terhadap kerajaan. Kajian ini merungkaikan beberapa persoalan penting seperti persepsi mahasiswa terhadap kerajaan mengikut jantina, tahun pengajian, bangsa, latar belakang pendidikan dan jurusan pengajian. Apa yang menariknya kajian ini melibatkan responden pelbagai latar belakang etnik dari universiti utama di Malaysia. Kajian oleh Junaidi Abu Bakar (1993) pula memberi tumpuan kepada mahasiswa dan AUKU. Kajian ini memberi fokus kepada pelbagai perkara penting mengenai AUKU seperti rasional pemerintah menggubal AUKU, kesan pelaksanaan AUKU terhadap kebebasan akademik, kesedaran dan sikap mahasiswa terhadap AUKU. Berlainan dengan Zainah Anwar (1990) yang memberi tumpuan kepada kebangkitan Islam di kalangan mahasiswa tajaan kerajaan yang menuntut di England pada tahun 1970-an. Kajian ini mendapati kebangkitan Islam telah memberi kesan yang negatif kepada masyarakat apabila menyebabkan wujud dua puak dalam kalangan orang Melayu iaitu, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mewakili Melayu Islam dan UMNO mewakili Melayu sekular.

Berdasarkan sorotan karya dan senario semasa, terdapat kelompangan dalam kajian mengenai penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik. Pada masa ini di Semenanjung Malaysia, pengundi Melayu merupakan pengundi majoriti di 114 kawasan parlimen berbanding 24 kawasan majoriti pengundi Cina dan 28 kawasan pengundi bercampur (Amer Saifude, 2009). Oleh itu, berdasarkan senario semasa dan majoriti pengundi adalah penting untuk melihat sejauh mana penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik ini. Selain penglibatan, pengetahuan mahasiswa Melayu mengenai politik juga tidak boleh diabaikan kerana menurut Galston (2001), pengetahuan politik ini memberi kesan kepada penglibatan politik. Apa yang menjadi persoalan, pada tahap mana pengetahuan dan penglibatan mahasiswa Melayu ini dalam politik. Adakah wujud perbezaan dari segi jantina, tempat dibesarkan dan tempat tinggal semasa. Individu memperoleh sikap, kepercayaan dan nilai-nilai berkaitan dengan politik adalah melalui proses sosialisasi (Greenberg, 1970). Proses sosialisasi politik ini digerakkan oleh agen-agen sosialisasi yang saling bertindih dan berhubung kait antara satu sama lain serta mempunyai pengaruh yang tersendiri terhadap individu (Ball, 1993). Agen-agen tersebut adalah agen keluarga, rakan sebaya, institut pendidikan dan media massa. Justeru itu bagi menjawab persoalan yang wujud, proses sosialisasi politik akan digunakan dalam menentukan pengetahuan dan penglibatan mahasiswa dalam politik.

Oleh itu, telah menjadi tujuan kajian ini untuk menentukan pengaruh sosialisasi terhadap pengetahuan dan penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik. Adakah mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan politik yang tinggi, hasil daripada pendedahan melalui proses pembelajaran di peringkat sekolah sehingga peringkat universiti. Kedua pada tahap mana penglibatan mahasiswa dalam politik. Adakah tinggi disebabkan pendedahan yang diterima melalui agen-agen sosialisasi atau sebaliknya. Bagaimana pula dari segi demografi, adakah wujud perbezaan antara jantina, aliran pengajian dan tempat dibesarkan. Akhir sekali kajian ini akan menentukan agen sosialisasi politik yang paling dominan mempengaruhi penglibatan mahasiswa dalam politik. Adakah agen sosialisasi media massa merupakan agen yang paling berpengaruh sepertimana dapatan kajian Ku Hasnita (2007) yang menunjukkan agen sosialisasi media massa paling mempengaruhi tahap patriotisme mahasiswa. Adakah dalam penglibatan politik mahasiswa Melayu, agen sosialisasi media massa turut muncul sebagai agen yang paling dominan berbanding dengan agen sosialisasi yang lain atau sebaliknya.

### **1.3 Objektif Kajian**

#### **Objektif Am**

Objektif am kajian adalah untuk menentukan pengaruh sosialisasi terhadap pengetahuan dan penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik Malaysia.

#### **Objektif Khusus**


1. Mengukur tahap pengetahuan mahasiswa tentang politik;
2. Mengukur tahap penglibatan mahasiswa dalam politik;
3. Menentukan pengaruh jantina, tempat dibesarkan dan tempat tinggal semasa dengan penglibatan mahasiswa dalam politik; dan
4. Mengenal pasti pengaruh agen sosialisasi yang paling dominan ke atas penglibatan mahasiswa dalam politik.

### **1.4 Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan sosialisasi politik sebagai kerangka asas kajian. Perbincangan lanjut mengenai teori sosialisasi politik ini dalam Bab II. Bagi memenuhi objektif, pengkaji telah membuat penelitian melalui peranan yang dimainkan oleh agen-agen sosialisasi iaitu, keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya dan media massa dalam mempengaruhi penglibatan mahasiswa dalam politik. Pemilihan empat agen ini disebabkan agen ini merupakan agen sosialisasi utama dan agen-agen seperti agama, budaya, kumpulan suka rela, kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan parti telah terangkum dalam empat agen ini disebabkan sifat agen yang saling berkait serta berlaku pertindihan antara agen-agen ini (Ball, 1993).

Langton (1969) menyatakan sosialisasi politik merupakan satu cara masyarakat menyampaikan budaya politik dari satu generasi ke generasi yang digerakkan oleh agen-agen sosialisasi politik. Rush dan Althoff (1971) pula menegaskan sosialisasi politik merupakan proses menjadikan seseorang individu itu mengenal sistem politik kemudiannya menentukan persepsi-persepsi terhadap politik dan fenomena politik yang berlaku. Hal ini ditentukan oleh faktor sosial, ekonomi dan persekitaran budaya sesebuah masyarakat melalui pengalaman berinteraksi serta pemerhatian personaliti seseorang individu itu sendiri. Menurut Rush dan Althoff (1971) lagi sosialisasi merupakan proses berterusan sepanjang hayat dari peringkat awal kanak-kanak sehinggalah dewasa. Kesan daripada pengetahuan, perasaan dan penilaian oleh individu ini akan melahirkan satu bentuk tindakan atau tingkah laku akibat proses sosialisasi yang dilalui. Bandura (1971) menyatakan terdapat empat proses pembelajaran sosial iaitu, pemerhatian, penyimpanan maklumat, proses pengulangan pembelajaran secara fizikal, emosi dan pengukuhan diri. Justeru itu, pengkaji telah meringkaskan proses penelitian kajian ini dengan membentuk kerangka konseptual seperti Rajah 1.1 di sebelah:

**Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian**



### 1.5 Kepentingan Kajian

Mahasiswa merupakan golongan yang mempunyai daya pemikiran matang, berdaya saing dan berpengetahuan dalam bidang profesional berbanding rakan-rakan mereka di tempat lain. Sejalan dengan matlamat negara untuk mencapai Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebagai negara maju, sumber modal insan yang dilahirkan dari universiti ini perlu seimbang dalam semua aspek bagi mencapai hasrat tersebut. Keseimbangan ini tidak hanya dari sudut akademik semata-mata tetapi juga dari sudut sahsiah dan keperibadian diri yang dapat dibentuk melalui penglibatan dalam politik. Justeru itu kajian ini penting bagi melihat keseimbangan dalam aspek politik kerana populasi mahasiswa yang besar dan meliputi kesemua 222 kerusi parlimen seluruh negara. Mengikut data Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah keseluruhan mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Awam pada tahun 2010 adalah seramai 438,566 orang. Jumlah ini, tidak termasuk mahasiswa dari Institut Pengajian Tinggi Swasta, Kolej Komuniti dan Politeknik.

Kajian ini juga bertujuan mengetahui agen sosialisasi yang paling berpengaruh terhadap penglibatan mahasiswa dalam politik. Adakah agen sosialisasi keluarga masih berpengaruh ke atas penglibatan politik atau agen media massa telah mengambil alih peranan tersebut. Pada masa ini media sosial menjadi pilihan digantikan mudah digunakan, kosnya yang murah dan mempunyai elemen hiburan (Siti Syamsidar, 2012). Pada masa ini telefon bimbit berupaya untuk melayari internet menyebabkan kebergantungan yang tinggi terhadap alatan tersebut. Justeru itu kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada media massa telah menjadi agen sosialisasi paling dominan mempengaruhi mahasiswa dalam politik atau agen sosialisasi keluarga masih berpengaruh. Pentingnya memahami agen sosialisasi tersebut agar dapat mengetahui tahap dan keupayaan agen berkenaan dalam mensosialisasikan mahasiswa.

